

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS KHIDMAT BAKTI 1/2001
Lokasi : HOTEL RENAISSANCE, KUALA LUMPUR
Tarikh : 25-06-2001

Alhamdulillah Hirrabilalamin Wassalah tu wassalam Mualla asyrafil ambia iwal mursalin Saidina Muhammadin Waalla alihi wasah bihi ajmain Saudara Pengacara Majlis Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Y.Bhg. Dato' Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Y.Bhg. Dato' Seri Ainum binti Mohd. Saaid Peguam Negara

Y.Bhg. Tan Sri Asmat bin Kamaluddin

Wakil Pesara Dif-dif yang diraikan Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t.

kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berhimpun bersama-sama di majlis yang begitu bermakna pada malam ini dan dengan izin-Nya dapat kita sekali lagi mengadakan Majlis Khidmat Bakti pertama bagi tahun 2001. Majlis ini bagi saya amat istimewa. Ia menghimpunkan dua kumpulan pegawai yang sangat penting kepada Perkhidmatan Awam. Satu kumpulan adalah pegawai-pegawai kanan yang bersara dan telah banyak memberi sumbangan kepada perkhidmatan serta negara. Majlis ini adalah sebagai satu tanda penghormatan kita kepada mereka. Satu kumpulan lagi ialah pegawai-pegawai kanan yang sedang meningkat maju dalam kerjaya dan telah dinaikkan pangkat untuk memegang jawatan yang lebih tinggi. Majlis ini juga adalah untuk merai serta merakamkan tahniah atas kejayaan mereka. Di majlis ini juga kita meraikan Y.Bhg. Dato' Seri Ainum atas pelantikannya sebagai Peguam Negara dan Y.Bhg. Dato' Haji Abdul Wahab bin Adam sebagai Pengerusi SPA oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Persaraan adalah satu peristiwa penting dalam putaran hidup kerjaya seseorang. Namun tanggapan terhadap persaraan berbeza antara individu. Ada yang melihatnya sebagai satu kebebasan daripada tekanan dan kerehah rutin kerja harian. Mereka yang tergolong dalam kumpulan ini menanti persaraan dengan pelbagai agenda harian yang menyeronokkan. Terbayang kebahagiaan bersarapan dengan keluarga dalam suasana yang tenang dan mesra, atau menikmati teh tarik dan roti canai bersama rakan taulan. Mereka menanti persaraan dengan penuh keseronokan kerana ia menyediakan banyak ruang untuk melayan kerehah cucu yang dikasihi dan melayani hobi yang selama ini tidak dapat dinikmati sepenuhnya. Saya berdoa agar impian mereka tercapai. Namun saya percaya mereka ini tidak akan terus leka dengan "kerehatan yang berpanjangan" sebaliknya akan melaksanakan sesuatu kerja yang dapat memberi kepuasan dan manfaat kepada diri sendiri atau membawa sesuatu yang bermakna kepada keluarga dan masyarakat.

3. Ada pula segolongan yang menganggap persaraan sebagai satu permulaan kehidupan baru yang lebih mencabar dan menyeronokkan. Mereka tidak sabar untuk memulakan kerjaya baru. Bagi mereka "retirement is going to be the most exciting part of life and there is an abundance of opportunities that can keep them busy".

Mereka juga melihat persaraan sebagai peluang bagi mereka memainkan peranan baru dan menyumbang kepada negara sambil mendapat kepuasan peribadi. Golongan ini sebenarnya bukanlah "bersara", cuma beralih kerjaya. Ramai di kalangan rakan-rakan kita tergolong dalam kumpulan ini, terutama yang berpindah daripada perkhidmatan awam ke dunia korporat. Terdapat pula yang masih

kekal sebagai sebahagian daripada ahli perkhidmatan awam.

4. Satu golongan lagi mereka yang menyambut persaraan dengan penuh gundah gulana. Mungkin kerana kurang bersedia, mereka terjat dalam "detachment syndrome" yang mendorong mereka untuk menyisih dari dan bersendirian. Elwood N. Chapman dalam bukunya *Comfort Zone* mengingatkan kita bahawa keadaan ini boleh membawa kepada satu dilema yang amat bahaya. Katanya "We have been conditioned to expect our later years to be free of hassles. We anticipate a quiet, peaceful, winding- down period. We sometimes dream about the day we leave the `rat race'behind. Yet we know that the further from reality we get, the sooner we become dependent on others. So we have a problem. On the one hand we want the relaxed environment we anticipated. On the other, we want to stay independent and free. A real dilemma".

Beliau seterusnya membayangkan bahawa jika kita tidak berhati-hati menangani kejutan ini ". we will be enveloped in a retirement marshmallow where everything at first seems soft and delightful but later turns out to be sticky and uncomfortable. We can lose our flexibility and find ourselves in a state of semi depression. Instead of being part of the parade, we will no longer have an identity.". Nasihat beliau, "Retirement may mean leaving work behind, but it does not mean leaving reality behind". Retirement should be an opportunity to replace a work-oriented lifestyle with a new one, equally or even more exciting. The detachment syndrome is a trap we should learn to recognise and avoid".

5. Saya berharap tidak ada di antara kita yang terperangkap dalam sindrom ini. Di sini pasangan, iaitu suami atau isteri pesara, boleh memainkan peranan untuk menentukan ia tidak berlaku. Ini satu peralihan yang amat mencabar, terutama bagi isteri yang tiba-tiba mendapati suaminya menghabiskan sebahagian besar masanya di rumah. Sesetengah isteri mungkin merasa lega dengan kehadiran suami sepenuh masa di rumah. Bagi mereka persaraan suami bermakna mereka mendapat "twice as much husband" walaupun dari segi pendapatan hanya "half as much income". Selain itu mereka berpeluang bermesra sekeluarga dan jika bernasib baik suami sama- sama membantu kerja rumah yang tidak pernah surut. Sebaliknya ada pula isteri yang merasa rimas apabila terdapat someone underfoot, monitoring their activities and invading their space. Bagi pasangan yang sebelum ini kedua-dua bekerja, persaraan suami, yang lazimnya lebih tua, boleh juga merisaukan. Suami akan merasa kebosanan apabila berada di rumah keseorangan. Harapan untuk mendapat "a full wife" tidak kesampaian. Keadaan menjadi lebih menyusahkan sekiranya gaji isteri lebih besar daripada pencen suami. Persoalan siapa "boss" boleh mengganggu keharmonian yang diidam-idamkan. Mungkin ini jarang berlaku, tetapi, pandai-pandailah menyesuaikan diri dengan situasi baru ini, terutama di bulan-bulan awal persaraan yang sering dianggap sebagai "the honeymoon period".

6. Walau apapun senarionya, persaraan pasti tiba. Apa yang penting ialah kehidupan selepas persaraan perlu diisi dengan aktiviti yang bermakna dan lebih menyeronokkan. Membiarkannya kosong seolah-olah mengakhiri kehidupan sebelum tiba masanya. Life is like riding a bicycle. You don't fall off unless you stop pedaling. Selagi berkeupayaan, kita harus terus tabah meniti perubahan dan setiap kali kita berubah kita perlu cuba mendapat sepenuh manfaat daripadanya. "To live is to change; to change is to mature; to mature is to be constantly recreated." Umur tidak seharusnya membatasi pengisian ini kerana selagi kita menghargai kesihatan, kita akan sentiasa muda dan cergas. Kata orang yang prihatin terhadap kesihatan, "the first wealth is health" dan `a sound mind rests in a healthy body.' Dengan badan yang sihat, minda akan sentiasa cerdas dan aktif. "He who has conquered the mind, has conquered the world".

Para Hadirin sekalian,

7. Pada kali ini kita meraikan 37 orang pegawai kanan yang bersara. Kita akan kehilangan mereka. Perkhidmatan Awam juga akan kehilangan pegawai-pegawai kanan yang berpengalaman. Tetapi negara tidak kerugian kerana saya percaya mereka masih akan terus memberi sumbangan dan khidmat bakti, terutama dalam bidang yang sesuai dengan kepakaran, pengalaman dan minat masing-masing.

8. Jika saudara menjadi pemimpin di sektor swasta, saya pasti saudara akan memainkan peranan penting dalam menerajui dan merencanakan semula pembangunan ekonomi negara. Dari pemerhatian saya ramai bekas penjawat awam yang telah berjaya menempa nama dalam dunia korporat dan

bersama-sama membantu Kerajaan menangani kegawatan ekonomi. Terdapat pula yang telah memberi sumbangan yang bernilai kepada perancangan pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pelbagai forum seperti MTEN, MAPEN atau dialog di bawah Persyarikatan Malaysia. Kejayaan saudara sebagai tokoh korporat dalam mengharungi persekitaran yang semakin mencabar turut menjadi kebanggaan kita yang masih berkhidmat dengan sektor awam. Hubungan kita akan terus terjalin erat walaupun dalam bidang yang berbeza.

9. Bagi mereka yang lebih cenderung untuk menyumbang kepada kegiatan sukarela atau community-based organisations (CBOs), sumbangan saudara juga amat dialu-alukan. Malah sektor inilah pada hemat saya amat memerlukan kepimpinan dan penyertaan yang lebih ramai daripada mereka yang berpengalaman. Secara relatif, di negara kita sektor ketiga yang merangkumi organisasi sukarela tidak berkembang sepesat sektor lain. Keadaan ini perlu sama-sama kita perbaiki sekiranya kita benar-benar ingin melihat hubungan kerjasama yang lebih bermakna antara Kerajaan, pihak swasta dan komuniti, kerana inilah di antara ciri-ciri good governance yang sering dibincangkan masa kini.

10. Penglibatan bersama CBOs dalam pelbagai program, terutama di peringkat akar umbi amat diperlukan.

Misalnya walaupun kita telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan, secara mutlak bilangannya masih besar. Kemiskinan bukan sahaja di desa tetapi juga di bandar. Kemiskinan bandar, jika tidak ditangani dengan bijaksana, boleh membawa bermacam-macam angkara, malah boleh mencetuskan api perkauman yang berbahaya seperti yang berlaku baru-baru ini.

11. Kini kita telah mula membicarakan satu lagi masalah ketidakseimbangan, iaitu masalah digital divide. Saya menyentuh perkara ini kerana keupayaan kita menentukan akses yang seimbang dan meluas kepada kecanggihan ICT amat penting kepada masa depan negara, terutama dalam merealisasikan peralihan kepada k-economy. Selain itu memang banyak lagi ruang dan peluang bagi kita semua mengisi kelemahan dan kekurangan yang masih wujud khususnya yang berkaitan dengan hal-hal sosial dan kemasyarakatan. Dalam hal ini, saudara-saudara, dengan kedudukan sebagai pemimpin, sama ada di sektor swasta atau CBO, boleh menghulur sumbangan melalui pelbagai saluran atau kaedah, bermula dengan sumbangan idea sehinggalah kepada bantuan dalam bentuk mata benda. Saya percaya sumbangan seperti ini, terutama kepada mereka yang kurang bernasib baik atau golongan yang ketinggalan dapat memberi kepuasan yang mendalam serta di beri ganjaran yang besar di akhirat kelak, Insya Allah.

12. Saudara-saudara yang telah dan akan berpisah daripada perkhidmatan sebenarnya meninggalkan berpuluh tahun pengalaman dan sumbangan besar yang telah sama-sama mengukuhkan asas pentadbiran awam serta membina kecemerlangan dari satu tahap ke satu tahap. Agak tidak keterlaluan bagi saya untuk berkongsi kegembiraan dan kesyukuran atas kejayaan Perkhidmatan Awam semenjak kemerdekaan sehingga sekarang, terutama dalam merancang dan melaksana pelbagai program untuk kemakmuran negara.

Dalam proses ini kita telah sama-sama mengharungi detik-detik cemas serta beberapa peristiwa yang menguji keupayaan kita. Alhamdulillah, setakat ini kita berjaya dan saudara-saudara adalah sebahagian daripada kekuatan yang telah membantu melepasi ujian tersebut. Namun kecemerlangan lampau tidak menjanjikan kejayaan yang sama di masa hadapan. Justeru itu masih banyak yang perlu kita usahakan. Misi ke arah kecemerlangan tidak pernah berakhir. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita semua yang masih berkhidmat untuk melangsungkan agenda yang semakin mencabar ini dengan lebih tabah dan gigih.

13. Saya tidak berhajat untuk mengeruhkan majlis dengan kerisauan mengenai cabaran masa depan yang kita akan tempuhi bersama. Majlis ini harus terus ceria. Saya penuh yakin bahawa pegawai kanan yang juga diraikan malam ini tidak akan mudah resah atau patah semangat. Mereka juga adalah pegawai yang memiliki pengalaman yang luas serta kompetensi yang tinggi dalam bidang masing-masing. Mereka telah pernah melalui ujian yang sama. Kerana tahan ujian serta ketokohan dan kecemerlangan merekalah yang membawa kepada kejayaan mereka dinaikkan pangkat untuk menjadi ketua jabatan.

14. Kenaikan pangkat adalah satu pengiktirafan Kerajaan kepada kepimpinan dan sumbangan yang telah diberi; pada masa yang sama tersirat tanggungjawab dan pengharapan yang tinggi. Sebagai ketua jabatan, saudara adalah pemimpin yang menentu arah dan prestasi organisasi masing-masing. Daripada pengamatan saya, agensi cemerlang adalah agensi yang diterajui oleh ketua jabatan yang memiliki daya kepimpinan yang tinggi serta komitmen yang tidak pernah luntur. Mereka sentiasa positif menerima perubahan yang diperkenalkan, mengurus perubahan dengan cekap dan menentukan perubahan sebenarnya berlaku. Kejayaan mereka sebagai pemimpin juga disokong oleh pengikut atau followers yang taat dan dedikasi. Ini memberi pengajaran kepada kita bahawa pemimpin tidak boleh mengabaikan followers. Pemimpin harus membimbing, memandu dan membangunkan followers mereka menjurus kepada visi dan matlamat organisasi. Justeru pemimpin perlu bijak mewujudkan persekitaran kerja yang dapat meningkatkan motivasi anggota organisasi.

15. Dalam hal ini saya ingin menyarankan supaya ketua- ketua jabatan memberi perhatian kepada aspek ini, khususnya dalam membimbing serta mendorong pegawai- pegawai muda kita untuk memahami, menghayati serta mengamalkan etika kerja dan melipatgandakan usaha meneruskan program-program pembaharuan yang kita perkenalkan. Pada pandangan saya Perkhidmatan Awam kita adalah satu-satunya perkhidmatan awam yang lengkap dengan berbagai panduan dan prosedur dalam pelbagai bidang pengurusan. Kita sedar dan harus berbangga bahawa pada keseluruhannya kita telah banyak membuat perubahan dan berjaya membawa Perkhidmatan Awam ke tahap kecekapan yang tinggi. Namun kita tidak harus lupa bahawa pada masa yang sama pengharapan pelanggan semakin meningkat. Mereka tidak lagi menerima perkhidmatan kurang daripada yang terbaik. Itulah sebabnya kita masih menerima aduan, mendengar rungutan atau membaca komen tentang kelemahan yang sering berlaku, terutama bagi perkhidmatan yang berhubung secara langsung dengan orang ramai seperti perkhidmatan kaunter dan telefon. Kita sedang berusaha menyusun semula serta mencari pendekatan yang lebih berkesan ke arah mewujudkan perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan. Saya amat berharap agar semua ketua jabatan tidak mengabaikan perhatian kepada perkhidmatan asas ini sementara melangsungkan pelaksanaan program-program pembaharuan yang lebih besar. Sebenarnya kesemua program pembaharuan kita adalah merupakan satu pakej yang saling lengkap melengkapi. Penilaian terakhir ialah sejauh mana pelanggan berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Kerajaan baru sahaja melancarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Tiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan. Pada masa yang sama penyediaan pelan Induk K- Economy kini sedang di peringkat akhir. Kita semua yang berada di dewan ini akan terlibat dalam menentukan matlamat dasar dan perancangan ini tercapai mengikut peranan masing-masing. Bagi perkhidmatan Awam, tumpuan kita dalam beberapa tahun akan datang ialah kepada mengukuhkan jentera pentadbiran dan pengurusan bagi membolehkan kita melaksanakan beberapa peranan penting seperti fasilitator, pacesetter, dan strategic integrator kepada pembangunan negara di samping meneruskan tanggungjawab selaku pelaksana dasar awam dan menjalankan tugas-tugas regulatori. Pada hemat saya sekurang-kurangnya empat aspek utama perlu di beri tumpuan khusus, iaitu penekanan kepada pembangunan sumber manusia di sektor awam; struktur dan organisasi yang sesuai dengan perubahan; amalan pengurusan dan proses kerja yang mengutamakan outcome dan fokus kepada pelanggan, dan tidak kurang penting ialah penggunaan teknologi terkini, khususnya ICT sebagai salah satu enabler utama. Saya yakin jika kita sepakat dan sehaluan dan disokong dengan komitmen serta usaha yang lebih gigih, kita akan berjaya melepasi ujian dan cabaran masa depan dan sekali gus membawa Perkhidmatan Awam ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

17. Saya kira cukup sekian ucapan saya dan akhirnya marilah sama-sama kita mendoakan agar perhimpunan malam ini diredai sebagai satu pertemuan yang penuh bermanfaat serta perpisahan selepas ini menjanjikan kebahagiaan dan hubungan persahabatan yang berpanjangan.

Anak haruan lima-lima, Mari ditimpa punggur berdaun; Budi tuan kami terima, Jadi kenangan bertahun-tahun.

Jentayu si burung jentayu, Hinggap mari dipohon mayang; Bunga kembang akhirnya layu, Budi baik tidak kan hilang.

Sungai Linggi tempat berenang, Tepinya dangkal airnya mati; Tuan yang pergi budi dikenang, Kami yang tinggal menyambung bakti.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.